

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

→ S M Zakir

Pemenang Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2011



↳ Masyarakat Melayu jadi masyarakat termiskin dan paling ketinggalan berbanding kaum pendatang yang datang dengan tujuan ekonomi”

↳ Walaupun negara sudah capai kemajuan dan melepaskan diri daripada kemiskinan dan kemunduran, pada hakikatnya jurang ekonomi antara orang Melayu dan kaum bukan Melayu masih besar”

↳ Pada bulan kemerdekaan ini ada baiknya kita membuka sejenak novel lama kerana sejarah pada hakikatnya adalah lingkaran yang berulang”

Sebelas Rajab gambaran realiti ekonomi Melayu

Bermula pada awal abad ke-21 berlaku kemasukan buruh asing secara besar-besaran di Tanah Melayu oleh penjajah British dalam mengisi pekerjaan dalam sektor ekonomi bijih timah dan getah.

Tahun 1930-an adalah puncak kedatangan buruh asing sehingga mengatasi populasi penduduk tempatan, dengan penduduk tempatan hanya 25 peratus daripada populasi di Tanah Melayu pada 1931.

Fenomena ini menimbulkan jurang ekonomi besar antara penduduk pribumi, iaitu masyarakat Melayu dengan kaum pendatang yang kini pemastautin di Tanah Melayu. Turut dibawa masuk ialah gejala buruk seperti candu, kongsi gelap dan perjudian. Penggunaan ekonomi terletak di tangan British dan saudagar Cina yang memiliki modal. Melayu jadi masyarakat termiskin dan paling ketinggalan berbanding kaum pendatang yang datang dengan tujuan ekonomi.

Pencapaian ekonomi Melayu sangat rendah diburukkan pula oleh sikap segelintir Melayu yang

suka berjudi dan berfoya-foya sehingga tergadai harta benda. Capaian orang Melayu kepada modal juga amat daif, sehingga putus sumber kewangan oleh putaran ekonomi desa yang kecil dan tidak menentu membuatkan mereka banyak berhutang dengan pekedai Cina dan ceti kaum India. Hutang ini membuatkan banyak tanah orang Melayu tergadai.

Antara 1909 hingga 1910 di Selangor, 7,567 hektar tanah orang Melayu bertukar milik kepada bukan Melayu. Keadaan sama berlaku di negeri lain di Tanah Melayu. Sebahagian besar tanah bertukar milik ini disebabkan hutang gadaian orang Melayu kepada bukan Melayu.

Hal ini dibendung dengan dasar tanah yang digubal British. Bagaimanapun, dasar British juga menghalang orang Melayu berintegrasi ke dalam ekonomi moden yang diceburi bukan Melayu.

Suasana awal abad ke-20, khususnya puncak kepada bermulanya pengelasan sosial berdasarkan aktiviti perekonomian pada 1930-an, kebanyakannya difahami secara faktual melalui teks sejarah atau ekonomi. Namun, sua-

sana sebenarnya tidak dapat ‘dimasuki’ oleh perasaan dan fikiran masyarakat sehingga satu kesimpulan tepat tidak dapat diberi terhadap punca sebenar keperluan orang Melayu yang jadi majoriti Bumiputra dalam *superstructure* masyarakat hari ini.

Ia juga melihat kepada hak dan keadilan terhadap Bumiputra yang menjadi majoriti dalam mengurangkan jurang ekonomi dengan kaum lain. Menariknya, suasana ini dirakamkan dalam penulisan novel karya sasterawan Melayu. Antara yang paling memberikan gambaran keadaan ini ialah novel *Sebelas Rajab* karya Abdul Kadir Adabi yang terhasil pada sekitar 1930-an.

Sindiran berdasarkan realiti masyarakat

Kisah mengenai Sulaiman dan isteri, Rafeah kerana baik hati memungkarkan Jalal, ‘orang dari seberang’. Jalal kemudian secara halus dan bermuka-muka menghancurkan rumah tangga Sulaiman, mengahwini Rafeah dan menguasai semua harta pasangan itu.

Rafeah kemudian mati diracun oleh Jalal kerana inginkan harta, Mamat anak Rafeah dan Sulaiman, dihalau oleh Jalal. Jalal bertukar menjadi orang kaya Penghulu Jalal di suatu tempat lain. Suatu ketika muncul Tuk Cik Lilin yang membuka rumah judi yang menjadi tumpuan orang ramai, termasuk Penghulu Jalal.

Tuk Cik Lilin menjadikan Penghulu Jalal miskin kerana judi, dengan isteri dan hartanya menjadi milik Tuk Cik Lilin. Akhirnya diketahui bahawa Tuk Cik Lilin dan pembantunya ialah Sulaiman dan Mamat yang membalsas dendam terhadap Jalal.

Novel ini menghadirkan sindiran berdasarkan realiti masyarakat yang kehilangan tanah di tangan orang asing sama ada disebabkan tipu helah mahupun kelekaan mereka sendiri.

Novel ini memberikan gambaran jelas senario yang berlaku dalam masyarakat Melayu pada 1930-an. Malah ia menggambarkan

kan senario masyarakat yang bercampur baur antara pendatang yang mencari kekayaan dengan pribumi yang ketinggalan mundur dalam serba serbi. Ia memperlihatkan dengan jelas diri masyarakat Melayu yang rapuh oleh kelemahan ekonomi dan pengasingan kaum yang dibuat bersaskan perekonomian.

Walaupun negara sudah capai kemajuan dan melepaskan diri daripada kemiskinan dan kemunduran, pada hakikatnya jurang ekonomi antara orang Melayu dan bukan Melayu masih besar.

Bahkan jurang ini hampir tidak berubah sejak negara mencapai kemerdekaan. Hal ini disebut oleh Muhammad Abdul Khalid dalam bukunya *The Colour of Inequality* (2014). Bangsa Melayu, Bumiputra dan majoriti penduduk di Malaysia pada hakikat masih berada di atas padang tidak rata dengan mereka di bawah dalam dunia persaingan ekonomi negara hari ini.

Novel *Sebelas Rajab* menulis senario yang berlaku 80 tahun lalu, tetapi jika dibaca kembali ia seakan-akan memberikan senario yang sama dengan apa yang berlaku hari ini. Setidak-tidaknya memberikan gambaran senario yang akan berlaku atau berulang pada masa yang tidak lama, melihat kepada bibit-bibit yang tumbuh pada hari ini.

Sulaiman yang dapat membalsas kejahatan Jalal, adalah fiksyen yang dicipta oleh penulisnya demi memenangkan ‘jiwa bangsa’ sendiri. Tetapi dalam realiti ia tidak begitu.

Pada bulan kemerdekaan ini ada baiknya kita membuka sejenak novel lama kerana sejarah pada hakikatnya adalah lingkaran yang berulang.

→ Satu kaji selidik 500 soalan dalam kalangan belia mendapati 15 peratus responden setuju bahawa tidak perlu lagi sambut Hari Kebangsaan/Kemerdekaan kerana ia sekadar sejarah lama. Apa sudah jadi kepada belia yang bakal pimpin negara? Ikuti kupasan lanjut pensyarah kanan Universiti Utara Malaysia, Dr Ahmad Zaharuddin Sani Sabri, esok.

Sidang redaksi